

## PN tergugat Pahang lebih baik dari negeri SG4

- Oleh MOHAMAD SHOFI MAT ISA
- 10 Disember 2024, 7:50 am



KAMIL IBRAHIM

KUANTAN: Naratif merampas Pahang pada Pilihan Raya Umum Ke-16 (PRU16) sengaja dicipta Perikatan Nasional (PN) kerana tergugat dengan pencapaian negeri ini dari segi ekonomi, sosial serta kebajikan berbanding syarikat SG4 Group Sdn. Bhd. (SG4) membabitkan empat negeri dikuasai gabungan berkenaan.

Ketua Pergerakan Pemuda UMNO negeri, Kamil Ibrahim berkata, Pahang tidak menerima royalti minyak seperti Terengganu tetapi tiga kali mencatatkan kutipan hasil melebihi RM1 bilion.

“Sedangkan Terengganu hanya sekitar RM200 juta hingga Rm300 juta sahaja setahun. Bonus kakitangan kerajaan negeri pun mereka mengharapkan ihsan daripada kerajaan Persekutuan.

“Bayangkan jika PN atau Pas ini meneraju Pahang, apakah akan menjadikan Pahang lebih baik? Saya yakin dan pasti rakyat Pahang bijak menilai. Kita jangan memperjudi nasib rakyat Pahang demi meluaskan nafsu politik mereka,” katanya kepada Utusan Malaysia di sini semalam.